

Sekalung bunga untuk

UM 25 APR 1987

KALUNGAN bunga diberikan kepada Perdana Menteri kerana ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO yang berjaya meredakan suasana tegang dalam UMNO akibat kehangatan berkempen untuk pemilihan pucuk pimpinan parti hari ini. Ucapannya terkawal, tidak emosi dan tidak menyentuh batang tubuh pihak-pihak yang mencabar kedudukannya sungguhpun forum itu boleh digunakan sebagai usaha terakhir untuk memancing undi bagi mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden. Beliau berjaya membuktikan bahawa

Oleh
Idzan Ismail

sebagai pemimpin nombor satu, beliau harus menunjukkan tauladan yang baik dan tidak merendahkan martabatnya untuk melancarkan perang mulut terhadap 'seteru-seteru' politiknya. Jika ucapan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam semalam menyentuh soal perpaduan UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir juga senada mahu UMNO terus bersatu-padu demi memperjuangkan nasib dan masa depan

bangsa Melayu. Bagaimanapun, beliau berjaya menyampaikan mesejnya iaitu tradisi UMNO perlu dipertahankan dan tidak boleh diganggu - gugat sebagai pertubuhan utama untuk melindungi kepentingan bangsa Melayu, agama Islam dan negara.

Tradisi

Perdana Menteri telah membangkitkan scenario

A.N.A.L.I.S.A BERITA

politik antarabangsa dan ancaman politik kuasa-kuasa besar untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia betapa bertuahnya menduduki negara yang aman damai berkat kecekapan UMNO menerajui kerajaan. Petikan ucapannya: "Memang benar sebagai sebuah negara kecil pendirian kita tidak akan menggoncangkan dunia,

tetapi negara dan bangsa yang bermaruah tidak boleh berdiam diri hanya kerana perbuatan buruk yang dilakukan oleh kuasa-kuasa yang besar. 'Keadilan tidak bererti jika ada pilih kasih atau takut. Demikian juga ketegasan tidak bermakna jika kita memilih untuk bersikap tegas.' Ini merupakan satu tangkisan halus kepada

Mahathir

pengkritiknya kononnya akibat kelantangannya mengecam kuasa-kuasa besar, kemelesetan ekonomi Malaysia tidak pulih. Kesimpulannya, Datuk Sri Dr. Mahathir tidak memilih soal-soal remeh-temeh atau soal-soal peribadi untuk menonjolkan betapa perlunya memilih pemimpin yang boleh terus memperjuangkan maruah bangsa Melayu. Ucapannya hari ini dan ucapan Datuk Musa semalam adalah contoh dua tokoh besar UMNO melambangkan peribadi orang Melayu sebagai 'orang budiman' sungguhpun mungkin mereka tidak sehaluan

pendapat. Tidak ada parti yang boleh menandingi UMNO yang sungguhpun pemimpinnya berpuak-puak tetapi mereka tetap duduk semeja dan berjenaka.

Hebat

Ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa itu juga menunjukkan sungguhpun dalam kempen paling hebat di mana semua pihak 'menelanjangi' antara satu sama lain, itu cuma perbalahan sementara. Seperti kata Menteri Besar Terengganu, Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad kehangatan pemilihan sekarang hanyalah sekadar

ombak yang besar, bila sampai ke pantai akan bertambah kecil.' Setelah perwakilan membuat pemilihan, memang menjadi tradisi orang Melayu, yang kalah dan yang menang berjabat tangan dan menuntut maaf. Sekarang masanya untuk merapatkan jurang perbezaan dan memperkukuhkan perpaduan. Ini seharusnya menjadi ikutan perwakilan yang akan pulang ke kampung masing - masing megah dengan UMNO tetap 'bersatu, bersetia dan berkhidmat' seperti laungan cogan katanya. Konfrontasi dan perang saraf sejak tiga bulan lalu telahpun berkubur.